



**UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS**

PELAN TINDAKAN UniMAP 2025

Fasa I : 2018-2019

KANDUNGAN

1	PENGENALAN	3
	Kerangka Strategik UniMAP 2025	4
	Pelan UniMAP 2025	5
2	Matlamat Strategik	9
	2.1 Pengajaran Berpaksikan Inovasi	10
	OS1: Memantapkan sistem pendidikan berintegrasi	11
	OS2: Mewujudkan makmal industri	15
	OS3: Membangunkan platform <i>telepresence</i>	18
	2.2 Penyelidikan Translasional	20
	OS4: Memperoleh pengiktirafan nasional & global	22
	OS5: Meningkatkan bilangan pemegang PhD	24
	OS6: Melonjakkan inovasi dan penyelidikan	26
	OS7: Membudayakan USR	28
	2.3 Siswazah Siaga-Industri	30
	OS8: Melahirkan siswazah diterima MNC/GLC	31
	OS9: Menghasilkan pelajar CGPA>3.00	34
	OS10: Memperkasakan program TVET	37
	OS11: Mengukuhkan kebolehpasaran siswazah	39
3	Pemangkin: Faktor Kritikal Kejayaan	42
	3.1 Mencipta Kekayaan	43
	OS12: Melibatkan UniMAP dalam Jaringan Amalan Terbaik	44
	OS13: Memperoleh dana penyelidikan	46
	OS14: Meningkatkan nilai endowmen	50
	OS15: Memperkasakan dana keusahawanan	52
	OS16: Memampankan kewangan	55
	3.2 Mencemerlangkan Bakat	57
	OS17: Memperkasakan kapasiti sumber manusia bagi memacu halatju universiti	58
	OS18: Memperkukuh tadbir urus ke arah ekosistem berteraskan inovasi	61
	OS19: Membina kepimpinan transformasional yang dinamik	64
	3.3 Memantapkan Infrastruktur	68
	OS20: Meningkatkan kualiti kemudahan prasarana	69
	OS21: Meningkatkan kualiti kemudahan pengangkutan	79
	3.4 Mengukuhkan Infostruktur	81
	OS22: Mengukuhkan infrastruktur ICT di kampus	82
	OS23: Memantapkan dan Mengintegrasikan Aplikasi	88
	OS24: Mencemerlangkan Bakat ICT	92
	OS25: Memantapkan Pengurusan dan Pentadbiran ICT	94
	Ringkasan Pengukur Prestasi & Sasaran 2025	98

1 | Pengenalan

PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK UniMAP 2025 FASA 1

Pelan Strategik UniMAP 2025 (dikenali sebagai *UniMAP 2025*) dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh tiga fasa pelaksanaan seperti berikut:

Fasa 1: 2018 – 2019

Fasa 2: 2020 – 2022

Fasa 3: 2023 – 2025

Pelaksanaan Fasa 1 adalah berpandukan Pelan Tindakan UniMAP 2025 Fasa 1 yang telah menggariskan pelan pelaksanaan untuk mencapai Objektif Strategik (OS) bagi setiap Matlamat Strategik dan Pemangkin dalam Kerangka Strategik UniMAP 2025.


Kerangka Strategik UniMAP 2025, seperti di Rajah 1, telah menggariskan tiga (3) matlamat strategik iaitu:

- Pengajaran berpaksikan inovasi
- Penyelidikan Translasional
- Siswazah siaga-industri

Terdapat empat (4) faktor kejayaan kritikal kepada ketiga-tiga matlamat strategik tersebut, yang juga dikenali sebagai pemangkin, iaitu:

- Penciptaan kekayaan
- Kecemerlangan bakat
- Pemantapan infostruktur
- Pengukuhan infostruktur

KERANGKA STRATEGIK UniMAP 2025



Rajah 1: Kerangka Strategik UniMAP 2025

Kerangka Strategik UniMAP 2025 telah dibina berdasarkan Pelan Strategik *UniMAP 2025: 4.0 Perkongsian Memacu Pembangunan* (Rajah 2) Pelaksanaan Kerangka Strategik UniMAP 2025 adalah didasari oleh nilai teras UniMAP iaitu *Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan*.



Rajah 2: Pelan Strategik UniMAP 2025

OBJEKTIF DAN PENDEKATAN PELAN TINDAKAN UniMAP 2025 Fasa 1

Pelan Tindakan UniMAP 2025 menterjemahkan OS bagi setiap matlamat strategik dan pemangkin dalam UniMAP 2025 melalui perincian inisiatif dan tindakan yang perlu diambil oleh setiap pemilik matlamat strategik dan pemangkin tersebut. Bagi setiap OS, penunjuk prestasi utama (KPI) telah ditetapkan bersama-sama dengan sasaran masing-masing bagi 2025 dan bagi Fasa 1 pelaksanaan Pelan Strategik ini. Usaha mencapai sasaran KPI tersebut adalah berdasarkan inisiatif dan tindakan yang digariskan oleh pemilik objektif strategik tersebut.

Justeru, pelan tindakan ini akan menjadi panduan kepada pemilik matlamat strategik dan pemangkin dalam usaha untuk memastikan hasrat jangka panjang UniMAP 2025 akan tercapai melalui pencapaian-pencapaian kecil yang digariskan dalam inisiatif dan tindakan masing-masing.

Dalam hal ini, pemilik-pemilik matlamat strategik memainkan peranan yang penting dalam memacu langkah yang perlu diambil berdasarkan pelan perancangan masing-masing dan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Hal ini termasuklah memastikan individu yang dipertanggung jawabkan (PIC) ke atas sesuatu tindakan itu melaksanakan perkara yang dirancang. Dalam proses pelaksanaan langkah-langkah yang telah dirancang, berkemungkinan akan wujud cabaran dan isu-isu yang akan menjadi halangan kepada pencapaian sasaran yang telah ditetapkan. Perkara seperti ini akan perlu ditangani melalui perbincangan dan tindakan oleh pihak berkepentingan yang akan membawa kepada penyelesaian masalah tersebut.

Sebagai wakil kepada pihak pengurusan Universiti, pihak PUSPEK berperanan sebagai pemantau serta juga pemudah cara dalam memastikan hala tuju UniMAP 2025 berada di atas landasan yang sepatutnya, iaitu sebagai mana yang dirancang. Selaku pemantau pelaksanaan Pelan Tindakan UniMAP 2025, pihak PUSPEK akan melaksanakan pemantauan berterusan dan pengukuran berkala ke atas semua matlamat strategik dan pemangkin UniMAP 2025 menggunakan sistem ePIC. Usaha pemantauan yang berterusan penting untuk memastikan pelan yang dirancang tercapai. Hal ini akan dilaksanakan melalui proses penilaian, semak semula (jika berkeperluan), program intervensi dan sebagainya. Usaha pemantauan juga merangkumi penyelesaian isu dan cabaran-cabaran yang menghalang atau melambatkan proses ke arah pencapaian KPI dan keberhasilan yang diharapkan.

Usaha-usaha yang berjaya membawa kepada pencapaian sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan ini akan dikumpulkan dalam repositori amalan baik (*good practices repository*) UniMAP. Sementara itu, tindakan penambahbaikan boleh diambil ke atas tindakan-tindakan yang tidak menjurus kepada kejayaan yang diharapkan. Hal ini akan membolehkan berlakunya pembelajaran melalui pengalaman dalam kalangan mereka yang terlibat, yang seterusnya akan membawa manfaat dalam aspek pengurusan dan pembangunan UniMAP 2025 khasnya, dan UniMAP secara amnya. Proses penambahbaikan berterusan bagi setiap matlamat strategik dan pemangkin sebagai pendekatan yang diambil dalam pengurusan Pelan Tindakan ini ialah seperti di bawah:



Rajah 3: Proses Penambahbaikan berterusan Pelan Tindakan UniMAP 2025

STRUKTUR GOVERNAN PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK UniMAP 2025

Pelaporan pencapaian setiap objektif strategik akan dibentangkan kepada Pengurusan UniMAP setiap suku tahun melalui Jawatankuasa Pemandu UniMAP 2025. Hal ini penting dalam memastikan terdapat keselarasan antara setiap matlamat strategik dan pemangkin, ke arah mencapai hasrat besar dan objektif utama UniMAP 2025. Mekanisme ini juga membantu pihak Pengurusan UniMAP menilai, secara kolegial, aspek-aspek pembangunan setiap matlamat strategik dan pemangkin serta dapat menangani cabaran dan isu yang timbul, dari perspektif yang lebih besar, agar pelaksanaan lebih lancar dan teratur yang seterusnya akan membawa kepada kejayaan UniMAP 2025.



Rajah 4: Struktur Governan UniMAP 2025

2

Matlamat Strategik

2.1 Pengajaran Berpaksikan Inovasi

2.2 Penyelidikan Translasi

2.3 Siswazah Siaga-Industri

2.1 | PENGAJARAN BERPAKSIKAN INOVASI

Industri 4.0. menuntut kepada transformasi pengajaran di UniMAP. Penggunaan teknologi yang meluas perlu dimanfaatkan supaya dapat memberi kesan yang positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai universiti yang memainkan peranan yang utama dalam mengurus perdanakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) [*Lonjakan 4; PPPM(PT) 2015-2025*], UniMAP optimis dan yakin segala cabaran untuk mentransformasi sistem pendidikan secara berterusan mampu dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada tiga objektif strategik yang telah dikenal pasti:

OS1: Memantapkan sistem pendidikan berintegrasi

OS2: Mewujudkan makmal industri

OS3: Membangunkan *platform telepresence*

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS1:

MEMANTAPKAN SISTEM PENDIDIKAN BERINTEGRASI

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Peratus pelaksanaan sistem pendidikan berintegrasi	50%	25%	30%

DEFINISI OPERASIONAL:

Sistem pendidikan berintegrasi (IES) merujuk kepada integrasi pembelajaran menggabungkan teknologi, pedagogi, dan pemerolehan ilmu, seperti *Blended Learning* dan MOOC.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

Bilangan kursus yang menggunakan kaedah *Blended Learning* dan MOOC
Jumlah bilangan kursus keseluruhan x 100

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Semakan Program Akademik

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Memastikan program akademik yang berkualiti, menarik minat pelajar dan memenuhi keperluan pasaran.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Menjumudkan program akademik yang kurang popular (jumlah pelajar)	Dekan BPA	Dis 2019
2.	Menjenamakan semula program akademik supaya lebih dikenali	Dekan BPA	Dis 2019
3.	Penukaran/Penawaran program pacsia siswazah mod campuran kepada mod kerja kursus	Dekan PPS	Dis 2019
4.	Integrasi elemen industri 4.0 dalam kurikulum	Dekan BPA	Dis 2018

INISIATIF 2: Penilaian Program Akademik Sedia ada

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Memastikan program akademik yang berkualiti, menarik minat pelajar dan memenuhi keperluan pasaran.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Penjajaran semula program akademik bukan kejuruteraan ke arah memenuhi kriteria "soft TVET".	Dekan PPIPT	Dis 2019
2.	Memperkenalkan program akademik "soft TVET" baharu untuk memenuhi keperluan pelajar bukan aliran sains (STEM – eg. Sosial Sains , DVM, DKM)	Dekan iKOM	Dis 2019

INISIATIF 3: Mempertingkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Mendedahkan pelajar dan pensyarah kepada pengetahuan dan kemahiran baru berkonsep *Education 4.0*

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Melengkapkan pensyarah dengan pengetahuan dan kemahiran <i>heutagogy, peeragogy, cybergogy</i>	Pengarah LEAD	Dis 2018
2.	Pelajar diperkenalkan kepada kemahiran <i>heutagogy</i> pada awal tahun pertama	Pengarah LEAD/ Dekan HEPA	Sept 2019

INISIATIF 4: Menggabungkan e-learning dalam penyampaian kurikulum

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Mendedahkan pendekatan teknologi terkini dalam pembelajaran dan pengajaran

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Menggunakan pendekatan <i>blended learning</i> dan <i>flipped classroom</i> dalam pengajaran	Pengarah LEAD	Sept 2018
2.	Menggunakan platform MOOC/ <i>e-learning lab</i>	Pengarah LEAD	Dis 2018
3.	Membangunkan kursus MOOC/ <i>e-learning lab</i>	Pengarah LEAD	Dis 2019

INISIATIF 5: Penawaran program akademik/kursus – kursus CPD**JUSTIFIKASI/RASIONAL:** Mengembangkan program-program akademik secara meluas di luar kampus di samping menjana kewangan universiti.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Menubuhkan unit pembelajaran berterusan (<i>Education Business Unit</i>)	Dekan BPA	Feb 2019
2.	Menawarkan program francais dengan pihak luar	EBU / Dekan PPK	Sept 2019
3.	Menawarkan program persisir di lokasi strategik	EBU / Dekan PPK	Sept 2018
4.	Menawarkan kursus Jangka Pendek	EBU / Dekan PPK	Jun 2019
5.	Menawarkan kursus – kursus profesional	EBU / Dekan PPK	Dis 2019
6.	Menawarkan program akademik secara dual/joint/double dengan rakan universiti dalam/luar negara	EBU / Dekan PPK	Dis 2019

INISIATIF 6: Meningkatkan keterlihatan antarabangsa**JUSTIFIKASI/RASIONAL:** Memperkasakan program dan jenama UniMAP pada peringkat global

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Promosi dan pemasaran program akademik	Pengarah CIA	Dis 2019
2.	Memantap dan meningkatkan program mobiliti <i>inbound/outbound</i>	Dekan PPK	Dis 2019

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS2:

MEWUJUDKAN MAKLMAL INDUSTRI

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Peratus makmal industri	30%	2%	4%

DEFINISI OPERASIONAL:

Makmal yang boleh digunakan oleh industri untuk tujuan ujian, kalibrasi dan latihan.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

$$\frac{\text{Bilangan makmal yang peralatannya setanding dengan industri}}{\text{Bilangan makmal}} \times 100$$

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Memperkukuhkan makmal berasaskan industri

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Menyediakan makmal yang mempunyai peralatan setanding dengan industri ke arah menyediakan pelajar yang sedia industri.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Mengenal pasti makmal yang berpotensi dijadikan makmal industri	Dekan PPK	Dis 2018
2.	Menambahbaik makmal yang telah dikenal pasti mengikut piawaian industri.	Dekan PPK	Dis 2019

INISIATIF 2: Memperolehi pengiktirafan oleh industri

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Mencapai pengiktirafan dan tahap piawaian mengikut keperluan industri.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Menanda aras dengan pemain industri untuk mengenalpasti keperluan dan agensi berkaitan	Dekan PPK	Jun 2019
2.	Menambahbaik keperluan makmal bagi tujuan pengiktirafan (fizikal, peralatan, sumber manusia/kepakaran)	Dekan PPK	Dis 2019
3.	Memohon untuk pengiktirafan oleh agensi yang berkaitan	Dekan PPK	Dis 2019

INISIATIF 3: Menawarkan perkhidmatan kepakaran kepada industri

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Memperluaskan kepakaran pensyarah dalam menjalankan konsultasi kepada industri.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Promosi dan pemasaran kepada pemain industri	Pengarah CIGC	Jun 2019
2.	Menawarkan kursus –kursus yang bersesuaian kepada pihak industri	Pengarah CIGC	Dis 2019

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS3:

MEMBANGUNKAN *PLATFORM TELEPRESENCE*

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Peratus kursus yang menggunakan Platform <i>Telepresence</i>	50%	2%	8%

DEFINISI OPERASIONAL:

Kursus yang menggunakan platform telepresence (satu landasan di mana proses pembelajaran dan pengajaran berlaku melalui penggunaan sidang video dan audio dua hala yang interaktif di mana pelajar atau staf akademik boleh mengadakan sesi persidangan antara satu sama lain walaupun berada di tempat yang berlainan.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

$$\frac{\text{Bilangan kursus yang menggunakan platform } \textit{telepresence}}{\text{Jumlah bilangan kursus keseluruhan}} \times 100$$

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Mewujudkan ruang pembelajaran interaktif dan ruang pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning space*)

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Menyediakan Platform Pembelajaran dan Pengajaran Ke Arah IR4.0

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Kenalpasti lokasi/bilik kuliah/tutorial yang sesuai untuk membangunkan ruang pembelajaran interaktif	Pengarah LEAD	Dis 2018
2.	Menambahbaik bilik kuliah/tutorial sedia ada untuk dijadikan ruang pembelajaran	Pengarah Pembangunan	Dis 2019

INISIATIF 2: Melengkapkan infrastruktur yang menyokong pembelajaran dan pengajaran berasaskan teknologi.

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Menambahbaik infrastuktur sedia ada bagi menyokong pembelajaran dan pengajaran berasaskan IR4.0

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Mengenalpasti keperluan peralatan dan perisian yang perlu	Dekan BPA	Dis 2018
2.	Membuat perolehan untuk peralatan dan perisian yang telah dikenal pasti	Pengarah Pembangunan/ Pengarah ICT	Dis 2019
3.	Menyediakan latihan kepada staf yang berkaitan	Pengarah LEAD	Dis 2019
4.	Menaiktaraf kemudahan internet yang sesuai	Pengarah ICT	Jun 2019

2.2 | PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL

Penyelidikan Translasional di Malaysia telah berjaya menjana RM7.17 billion melalui pulangan pelaburan penyelidikan. Ia didasari tanggungjawab sosial serta hasrat mengguna pakai teknologi dan kepakaran anak tempatan untuk manfaat semua. Dengan impak positif yang dikecapi kerajaan, masyarakat, industri dan universiti, penyelidikan translasional perlu terus diperkukuhkan.

Umum mengetahui, sebahagian produk – produk di universiti awam (UA) sehingga kini hanya berkesudahan pada tahap prototaip dan hanya didemonstrasi di makmal sahaja. Menyedari akan hal tersebut, UniMAP kini sedang mengorak langkah jauh agar penyelidikan yang dihasilkan memberi manfaat kepada masyarakat, kerajaan, industri dan universiti.

Di UniMAP, penyelidikan translasional (*Lonjakan 3; PPPM(PT) 2015-2025*) diterjemahkan melalui pelbagai saluran antaranya inisiatif melalui dana *Knowledge Transfer Programme* (KTP) yang melibatkan penyelidikan seperti berikut: *mysumberv2: Real-Time Cloud-Based Flood Emergency Monitoring, Prediction And Mitigation System, Introduction To Control Cultivation With Optimal Humidity System And Physical Stimulations For High Mushroom Production* dan *Teknik Penggunaan Kitosan Sebagai Agen Kawalan Kulat Perosak dan Pemangkin Pertumbuhan Miselium di dalam Proses Penanaman Cendawan Vol Variella Vol Vacea Menggunakan Jerami Padi*.

Selain daripada dana KTP, usaha tersebut juga disokong melalui penerimaan geran Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) melalui penyelidikan seperti *Development of Shrimp Paste Production Mechine, Beefbar and Chickenbar Forming Machine, Bahulu Filling Machine, Automatic Soap Mixing Machine* dan *Chicken Bone Cutter and Cleaning Machine for Production of "Satay Tulang Ayam"*.

Penyelidikan translasional mampu memperkasakan bakat dan membudayakan inovasi dalam kalangan penyelidik UniMAP agar dapat mencapai keunggulan global, selaras dengan Lonjakan 7 dan Lonjakan 8 PPPM (PT) 2015-2025. Skim pengajian peringkat doktor falsafah sebagai galakan untuk lebih berdaya saing dari segi modal intelektual, penetapan beberapa bidang penyelidikan strategik dan berfokus, dan penyediaan mekanisme pendanaan untuk meningkatkan pelaburan sektor swasta adalah antara pendekatan yang diambil untuk merealisasikan hasrat penyelidikan translasional di UniMAP.

Hasil Penyelidikan Tranlasional akan menaikkan reputasi UniMAP sebagai institusi akademik yang berwibawa yang dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia, khususnya.

Empat objektif strategik yang telah dikenal pasti bagi matlamat strategik ini ialah:

OS4: Memperoleh pengiktirafan nasional dan global

OS5: Meningkatkan bilangan pemegang PhD

OS6: Melonjakkan inovasi dan penyelidikan

OS7: Membudayakan tanggungjawab sosial universiti (USR)

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS4:

MEMPEROLEH PENGIKTIRAFAN NASIONAL DAN GLOBAL

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Peratus ahli akademik yang mendapat penganugerahan dan pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa	50%	10%	20%

DEFINISI OPERASIONAL:

1. Penerimaan anugerah / Pengiktirafan berasaskan sumbangan akademik & Penyelidikan pada peringkat negeri/kebangsaan/ antarabangsa dalam bidang kepakaran daripada Kementerian/ *Academic NGO/International Association*.
2. Penerimaan anugerah dalam pertandingan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Contoh: *Fellowship*, Pengiktirafan Akademik, Ekspo Penyelidikan, Anugerah Perdana.
3. Penerimaan Anugerah/Pingat/Darjah Kebesaran pada peringkat negeri / persekutuan.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

$$\frac{\text{Bilangan anugerah yang diperolehi pada tahun semasa}}{\text{Jumlah anugerah}} \times 100$$

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Mempromosi anugerah akademik dan penyelidikan.

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Melahirkan modal insan yang berdaya saing serta menyumbang ke arah penciptaan inovasi baru.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Kenalpasti anugerah akademik dan penyelidikan	Dekan BPA & Dekan RMIC	Dis 2018
2.	Mewujudkan JK Penyaringan	Dekan BPA & Dekan RMIC	Dis 2018
3.	Menghantar penyertaan	Dekan BPA & Dekan RMIC	Dis 2018

INISIATIF 2: Penglibatan dan penyertaan dengan badan pengiktirafan dan persatuan berkaitan

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Meningkatkan imej dan nilai tambah dikalangan staf UniMAP.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Kenal pasti badan pengiktirafan (BEM, MBOT, AAN, ASM) & persatuan (MAKNA, MERCY IEEE, IET, IMechE)	Dekan BPA & Dekan RMIC	Dis 2018
2.	Menghantar penyertaan	Dekan BPA & Dekan RMIC	Dis 2018

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS5:

MENINGKATKAN BILANGAN PEMEGANG PHD

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Peratus (%) pensyarah berkelayakan PhD dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah IPTA .	65%	45%	50%

DEFINISI OPERASIONAL:

1. Jumlah pengisian pensyarah IPTA adalah termasuk pensyarah kontrak sama ada warganegara atau bukan warganegara dan juga pensyarah pelatih perubatan yang mana menggunakan jawatan pensyarah (DS/ DU/DUG) bagi tujuan pengisian.
2. PhD dan setaraf termasuk juga Sarjana Perubatan dan Pergigian Keparakan Klinikal.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

Pensyarah berkelayakan PhD atau Setaraf / Jumlah pensyarah x 100

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
% GOT bagi pelajar PhD bergraduate	65%	40%	45%

DEFINISI OPERASIONAL:

Jumlah pelajar PhD warganegara atau bukan warganegara yang bergraduate GOT

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

Jumlah pelajar bergraduate GOT / Jumlah pelajar bergraduate X 100

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Menggalakkan pengajian PhD di universiti tempatan.

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Melahirkan tenaga berkelayakan PhD bagi memenuhi keperluan pembangunan industri negara

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Memberi pendedahan tentang kelebihan PhD bagi staf akademik dan pentadbiran	Pendaftar (Unit Cuti Belajar)	Dis 2018
2.	Mewujudkan JK Penyaringan	Dekan BPA	Dis 2018
3.	Menghantar penyertaan	Dekan BPA	Dis 2018

INISIATIF 2: Penganugerahan GOT kepada pelajar dan penyelia

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Melahirkan modal insan yang berprestasi tinggi serta memenuhi permintaan industri

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Kenal pasti penyelia dan pelajar yang terlibat	Pendaftar (UCB)	Dis 2018
2.	Mengadakan bengkel penyeliaan dan penulisan tesis secara berkala	Pendaftar (UCB)	Dis 2018
3.	Kenal pasti dana & jumlah yang berkaitan	Pendaftar (UCB)	Dis 2018
4.	Memberi anugerah yang sesuai	Pendaftar (UCB)	Dis 2018

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS6:

MELONJAKKAN INOVASI DAN PENYELIDIKAN

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Nisbah inovasi berbanding staf akademik	1:5	1:20	1:15

DEFINISI OPERASIONAL:

1. Jumlah bilangan rekacipta baharu yang dipatenkan atau *intellectual property rights (IPRs)*.
2. Paten baharu sahaja diambil kira iaitu yang pertama kali diperolehi pada tahun yang dinilai.
3. Rekacipta yang sama sekiranya dipatenkan di negara yang berbeza hanya dikira sekali sahaja.
4. Paten diambil kira sekiranya perekacipta masih berkhidmat di universiti ketika rekacipta berkenaan difailkan.
5. Universiti mesti mempunyai hakmilik (bersama/sepenuhnya) ke atas paten.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

Bilangan Produk dipatenkan atau *intellectual property rights (IPRs)*
Jumlah Staf Akademik

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1 : Mewujudkan dana khas bagi meningkatkan inovasi.

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Melahirkan modal insan yang berdaya saing serta menyumbang ke arah penciptaan inovasi baru.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Kenal pasti dana & jumlah yang berkaitan	Pengarah CIPC	Dis 2018
2.	Kenal pasti penyelidik yang berkelayakan	Pengarah CIPC	Dis 2018
3.	Mengadakan pembentangan kemajuan secara berkala	Pengarah CIPC	Dis 2018

INISIATIF 2: Mewujudkan makmal inovasi.

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Meningkatkan imej dan nilai tambah dikalangan staf UniMAP.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Kenal pasti dan memastikan fasiliti, instrument, lokasi yang sesuai	TNCPI & Dekan RMIC	Dis 2018
2.	Mewujudkan sinergi antara pemegang-taruh melalui konsep kerjasama <i>quadruple-helix</i>	TNCPI & Dekan RMIC	Dis 2018
3.	Mewujudkan makmal Industri-UniMAP, makmal UniMAP-Industi	CIGC & Dekan RMIC	Dis 2018
4.	Mewujudkan direktori Fasiliti /Produk Penyelidikan UniMAP	Dekan RMIC & Penerbit	Dis 2018

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS7:

MEMBUDAYAKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI (USR)

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Bilangan program/aktiviti tanggungjawab sosial universiti (USR)	100	60	70

DEFINISI OPERASIONAL:

Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) boleh dikaitkan dengan CSR. Bilangan aktiviti merujuk kepada projek yang dijalankan oleh kedua-dua kakitangan dan pelajar.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

Bilangan USR yang dijalankan pada tahun semasa.

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Membangunkan SOP bagi pelaksanaan program USR.

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Memastikan program/aktiviti USR yang dijalankan memberi memberi impak tinggi kepada kumpulan sasaran

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Kenal pasti USR yang berimpak tinggi	Pengarah IKRK	Dis 2018
2.	Penglibatan USR bersama NGO dan Institusi	Pengarah IKRK	Dis 2018

INISIATIF 2: Mendapatkan penajaan dana khas bagi program USR.

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Mewujudkan tabung dana khas bagi tujuan USR.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Kenal pasti penaja dana USR yang bersesuaian	Pengarah IKRK	Dis 2018
2.	Membuat hebahan kepada universiti	Pengarah IKRK	Dis 2018
3.	Menganjurkan program USR	Pengarah IKRK	Dis 2018

2.3 | SISWAZAH SIAGA-INDUSTRI

Penekanan yang diberikan oleh UniMAP terhadap penghasilan siswazah siaga-industri adalah berdasarkan status universiti ini sebagai universiti berfokus dan berteraskan bidang tujahan ***Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi, Sains dan bidang lain yang diperlukan dengan mengutamakan industri elektronik***. Ia bertujuan melahirkan siswazah yang benar-benar memenuhi keperluan industri.

Empat objektif strategik yang telah dikenal pasti bagi mencapai matlamat strategik ini ialah:

OS8: Melahirkan siswazah diterima MNC/GLC

OS9: Menghasilkan pelajar PNGK >3.00

OS10: Memperkasakan program TVET

OS11: Mengukuhkan kebolehpasaran siswazah

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS8:

MELAHIRKAN SISWAZAH DITERIMA MNC/GLC

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Peratus siswazah yang diterima MNC/GLC	45%	35%	40%

DEFINISI OPERASIONAL:

Siswazah UniMAP yang diterima bekerja di MNC/GLC yang beroperasi di sekurang-kurangnya dua Negara.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

$X/Y(100\%)$

X= Bilangan pelajar yang diterima bekerja di MNC/GLC

Y= jumlah pelajar bergraduasi tahun semasa

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Memperkasakan program kerjasama satu Pusat Pengajian / Fakulti dengan satu MNC/GLC dengan memfokuskan kepada latihan industri dan penyelidikan.

JUSTIFIKASI/RASIONAL:

1. Mendedahkan kepada agensi luar tentang kemampuan dan potensi bakal graduan dalam menguasai dan mengaplikasi teori dan praktikal yang telah dipelajari.
2. Melatih bakal graduan berinteraksi secara professional dengan pelbagai agensi luar.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Mengenalpasti sekurang-kurangnya satu MNC/GLC yang berpotensi bagi setiap PPK/Fakulti.	Dekan PPK / FAKULTI	April 2019
2.	Menandatangani MoU/MoA bersama-sama dengan pihak MNC/GLC	Dekan PPK / FAKULTI	Sept 2019
3.	Menjalankan Projek Tahun Akhir, Projek Rekabentuk Bersepadu, Inkubator bersama dengan industri	Dekan PPK / FAKULTI	April 2019
4.	Lantikan IAP (Industrial Advisor Panel) dan Pensyarah Pelawat dari kalangan MNC/GLC	Dekan PPK / FAKULTI	Jun 2019
5.	Mewujudkan program persijilan kepada pelajar dengan MNC/GLC	Dekan PPK / FAKULTI	Dis 2019
6.	Memperkenalkan skim Biasiswa Industri	Dekan PPK / FAKULTI	Jan 2020
7.	Mewujudkan modul asas bertumpu kepada MNC/GLC yang telah dijalankan kerjasama	Dekan PPK / FAKULTI	Dis 2019

INISIATIF 2: Meningkatkan penyertaan MNC/GLC dalam penganjuran karnival kerjaya

JUSTIFIKASI/RASIONAL:

1. Karnival kerjaya ialah platform yang tepat dalam mempertemukan keperluan industri dan penjana tenaga kerja iaitu universiti.
2. Kebolehpasaran kerja graduan boleh dipertingkatkan.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Mewujudkan pangkalan data MNC/GLC secara menyeluruh	Pengarah CIGC	Jun 2019
2.	Menyediakan bahan-bahan promosi	Pengarah CIGC	Dis 2018
3.	Meningkatkan bilangan temuduga dalaman dari MNC/GLC	Dekan PPK / FAKULTI	Dis 2018

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS9:

MENGHASILKAN PELAJAR PNGK > 3.00

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Peratus graduan memperoleh PNGK >3.00	50%	30%	35%

DEFINISI OPERASIONAL:

Pelajar yang memperolehi PNGK >3.00 pada akhir pengajian.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

$X/Y(100\%)$

X= Bilangan pelajar yang memperolehi PNGK >3.00

Y= Jumlah pelajar bergraduasi tahun semasa

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Melaksanakan program promosi secara agresif untuk menarik pelajar lepasan SPM/Matrik yang cemerlang mengikuti pengajian di UniMAP.

JUSTIFIKASI/RASIONAL:

1. Program promosi membekalkan maklumat penting dan berguna kepada pelajar lepasan SPM/matrikulasi untuk memilih universiti dan program pengajian yang sesuai dengan keputusan peperiksaan dan minat mereka.
2. Strategi promosi yang berkesan dapat menarik lebih ramai pelajar lepasan SPM/matrikulasi dengan keputusan cemerlang.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Mengenal pasti institusi sasaran yang berupaya membekalkan pelajar dengan pencapaian akademik tinggi	Dekan Pusat Pengajian	Feb 2019
2.	Mengenal pasti program akademik UniMAP yang berdaya saing dan berkapasiti untuk dipilih oleh bakal pelajar	Dekan Pusat Pengajian	Dec 2018
3.	Merangka pendekatan promosi berteraskan IR 4.0 dan <i>community engagement</i> (CSR)	Dekan Pusat Pengajian	Feb 2019

INISIATIF 2: Mempertingkatkan peranan Rakan Pendamping Siswa (RPS)

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Rakan Pendamping Siswa dapat membantu dalam meningkatkan prestasi pelajaran serta keupayaan berkomunikasi dua hala.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan SOP RPS	Dekan Pusat Pengajian	April 2019
2.	Memperkasa pelaksanaan RPS dengan mengoptimalkan platform IR 4.0	Dekan Pusat Pengajian	April 2019
3.	Mengenal pasti kumpulan sasar yang lebih memerlukan fokus dan bimbingan	Dekan Pusat Pengajian	Feb 2019
4.	Mewujudkan RPS ddalam kalangan siswa	Dekan Pusat Pengajian	Feb 2019

INISIATIF 3: Menambah nilai insentif yang bersesuaian kepada pelajar

JUSTIFIKASI/RASIONAL:

1. Meningkatkan motivasi pelajar untuk lebih cemerlang dan berdaya saing.
2. Membantu mengurangkan beban sara hidup pelajar cemerlang dari golongan keluarga berpendapatan rendah (B40).

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Memperkenalkan skim Biasiswa Industri	Dekan HEPA	Jun 2019
2.	Memperkenalkan skim insentif menarik oleh Universiti (Baucer makan/buku, Pengurangan yuran)	Dekan HEPA	Feb 2019

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS10:

MEMPERKASAKAN PROGRAM TVET

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Peratus enrolmen pelajar dalam program TVET di UniMAP	60%	30%	35%
DEFINISI OPERASIONAL: Pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di PPD, PPIPT, iKOM dan FTK di UniMAP			
KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN: $\frac{\text{Bilangan pelajar dalam program TVET} \times 100}{\text{Jumlah Pelajar}}$			

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Memantapkan peranan Pusat Pengajian Diploma dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan sebagai tunjang TVET.

JUSTIFIKASI /RASIONAL:

1. Memperlihatkan UniMAP sebagai salah satu IPTA yang aktif menawarkan program akademik TVET.
2. Menunjukkan UniMAP sebagai salah sebuah IPTA yang berkeupayaan mengeluarkan sumber manusia berkemahiran tinggi.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Meningkatkan bakat staf akademik dalam penarafan kemahiran	Dekan PPK / FAKULTI	Jun 2019
2.	Meningkatkan reputasi program TVET melalui kolaborasi dengan berkepentingan	Dekan PPD/ FTK	Jun 2019
3.	Mereka bentuk strategi khusus ke arah perkembangan TVET di UniMAP (tenaga manusia, kewangan, peralatan, fizikal)	Dekan PPD/ FTK	Feb 2019

INISIATIF 2: Mengkaji semula daya saing program TVET yang ditawarkan.

JUSTIFIKASI/RASIONAL:

1. Memfokuskan kepada bidang TVET yang mempunyai keperluan tinggi di dalam pelan pembangunan nnegara berpendapatan tinggi.
2. Menggunakan sumber-sumber yang sedia ada secara optima dan menjangkakan hasil yang maksima.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Pendekatan penanda aras ke atas kualiti program yang ditawarkan	Dekan PPD/ FTK	Jun 2019
2.	Memperkasa program TVET melalui proses penambahbaikan berterusan	Dekan PPD/ FTK	Jun 2019
3.	Mereka bentuk jenama TVET di UniMAP	HEA	Jun 2019

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS11:

MENGIKHTISAKAN KEBOLEHPASARAN SISWAZAH

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pada tahun konvokesyen.	85%	80%	85%
DEFINISI OPERASIONAL: Graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan selepas 6 bulan tamat pengajian pada tahun konvokesyen semasa			
KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN: $X/Y(100\%)$ X= Bilangan pelajar yang diterima bekerja Y=Jumlah pelajar bergraduasi tahun semasa			

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Mengeluarkan surat tawaran bersyarat kepada semua pelajar tahun akhir pada peringkat Ijazah Sarjana Muda (ISM) untuk melanjutkan pengajian pada peringkat pasca-siswazah di UniMAP.

JUSTIFIKASI/RASIONAL:

1. Menghasilkan bakal pemimpin dan penyelidik untuk Negara.
2. Merealisasikan pembelajaran sepanjang hayat.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Promosi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pasca-siswazah	Dekan CGS	Dec 2018
2.	Mengenalpasti pelajar yang sesuai untuk melanjutkan pelajaran	Dekan CGS	Dec 2018

INISIATIF 2: Meningkatkan visibiliti pelajar-pelajar melalui kandungan e-portfolio/SisMAP.

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Pemwujudan platform pengkalan data menyeluruh, lengkap dan terkini yang boleh dicapai oleh agensi-agensi luar.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Menghubungkan platform portfolio / SisMAP dengan bank resume pelajar	Pengarah CIGC	Jun 2019
2.	Meningkatkan bilangan temuduga dalaman	Pengarah CIGC	Dec 2018

INISIATIF 3: Meningkatkan kemahiran insaniah

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Kemahiran insaniah membantu pelajar untuk lebih berketerampilan di alam pekerjaan.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Menganjurkan kursus kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berkumpulan.	Dekan HEPA	Jun 2019
2.	Mewujudkan platform perkongsian idea	Pustakawan	April 2019

3

Pemangkin: Faktor Kritikal Kejayaan

- 3.1 Menciapta Kekayaan**
- 3.2 Mencemerlangkan Bakat**
- 3.3 Memantapkan Infrastruktur**
- 3.4 Mengukuhkan Infostruktur**

3.1 | MENCIPTA KEKAYAAN

Panduan Mencipta Kekayaan bagi UniMAP 2025 adalah berteraskan kepada Lonjakan 5, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang memberi penumpuan kepada Kemampanan Kewangan. Dasar dan objektif yang dibangunkan diharapkan mampu memberi impak yang menyeluruh bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada staf berdasarkan kapasiti, keupayaan intelektual dan bidang tugas masing-masing sehingga tercapainya hasrat mewujudkan kelangsungan kewangan di universiti ini.

Lima objektif strategik yang telah dikenal pasti bagi Mencipta Kekayaan ialah:

OS12: Melibatkan UniMAP dalam Jaringan Amalan Terbaik (*Best Practices Network*)

OS13: Memperoleh dana penyelidikan

OS14: Meningkatkan nilai endowmen

OS15: Memperkasak dana keusahawanan

OS16: Memampankan kewangan

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS12:

MELIBATKAN UNIMAP DALAM JARINGAN AMALAN TERBAIK (*BEST PRACTICES NETWORK*)

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Peratus jaringan amalan terbaik	25%	4%	8%

DEFINISI OPERASIONAL:

Amalan terbaik merujuk kepada sebarang aktiviti perundingan dalam PTJ.
(Kumulatif)

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

$$\frac{\text{Bilangan amalan terbaik (aktiviti perundingan)} \times 100}{\text{Jumlah aktiviti yang dijalankan}}$$

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Meningkatkan projek konsultansi/ perkhidmatan dalam kalangan PTj

JUSTIFIKASI/RASIONAL: UniMAP mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang penyelidikan yang boleh dimanfaatkan oleh industri dan masyarakat melalui pelaksanaan projek konsultansi/perkhidmatan.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Memadankan kepakaran universiti dengan keperluan semasa industri	Dekan CIGC	Dis 2018
2.	Mendapatkan gandingan kerjasama dengan industri	Dekan CIGC	Jun 2019
3.	Melestarikan kerjasama dengan industri	Dekan CIGC	Dis 2019

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS13:

MEMPEROLEH DANA PENYELIDIKAN

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Jumlah geran nasional dan antarabangsa	RM10 Juta	RM1.65 Juta	RM3.3 Juta

DEFINISI OPERASIONAL:

Pemberian nasional disediakan oleh agensi atau kementerian awam, mis., MOHE, MOSTI, SKMM., Geran antarabangsa disediakan oleh agensi antarabangsa di dalam atau di luar Malaysia.

- Geran industri disediakan oleh agensi swasta, entiti perniagaan dan pertubuhan bukan kerajaan.
- Penajaan atau biasiswa tidak dikira sebagai geran.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

Jumlah geran penyelidikan yang diterima oleh UniMAP setiap tahun dalam nilai Ringgit Malaysia

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1: Menaik taraf fasiliti bagi memenuhi permintaan teknologi semasa industri yang akan menarik pelaburan (geran) industri.

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Menyediakan prasarana yang kondusif dan terkini untuk memastikan proses konsultansi dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Mengenal pasti taraf fasiliti (peralatan dan sebagainya) sedia ada di setiap pusat pengajian di UniMAP	Dekan RMIC	Sept 2018
2.	Mengenal pasti jurang taraf fasiliti sedia ada dengan permintaan teknologi semasa	Dekan RMIC	Sept 2018
3.	Menyediakan fasiliti yang diperlukan untuk meningkatkan keupayaan dan peluang penyelidik mendapatkan geran penyelidikan daripada industri dan kementerian.	Dekan RMIC	Dis 2019

INISIATIF 2: Menggalakkan penyelidikan multi-disiplin berfokuskan bidang tujahan UniMAP

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Penyelesaian kepada sesuatu masalah dalam bidang penyelidikan tidak selalunya merangkumi satu disiplin sahaja.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Meningkatkan kerjasama dalam bidang tujahan antara pusat pengajian di UniMAP. Mengeksploitasi kepakaran setiap pusat pengajian untuk tujuan pengkomersilan.	Dekan Pusat Pengajian dan Pengarah CIPC	Dis 2018
2.	Menggalakkan kolaborasi penyelidikan dengan institusi luar seperti MARA, FAMA, LKIM, FELDA dan sebagainya.	Dekan Pusat Pengajian	Dis 2019

INISIATIF 3: Memberi insentif khas dalam menggalakkan penyelidikan berorientasikan masyarakat dan industri

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Insentif khas ini adalah satu bentuk penghargaan kepada usaha pensyarah yang melibatkan diri dalam penyelidikan bagi kemajuan dan pembangunan masyarakat dan industri.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Mewujudkan satu insentif khas kepada penyelidik mengikut kategori penyelidik (penyelidik muda dan berkumpulan)	Dekan RMIC	Sept 2018
2.	Memberi insentif khas kepada penyelidik mengikut kategori penyelidik pada setiap tahun. Insentif diberikan dalam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Cadangan: Kategori Penyelidik Muda = RM 1000 Kategori Penyelidikan Berkumpulan = RM 5000	Bendahari UniMAP	Januari 2019

INISIATIF 4: Meningkatkan kerjasama dengan agensi/institusi berkaitan untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong penyelidikan dipacu universiti dan industri (*university- and industry-driven*).

JUSTIFIKASI/RASIONAL: Industri sentiasa berhadapan dengan suasana dan permasalahan yang berbeza yang seringkali tidak dapat dilihat melalui pembelajaran formal dan teori di universiti. Peningkatan kerjasama penyelidikan antara universiti dengan industri akan mampu menyelesaikan banyak permasalahan yang berlaku dalam dunia sebenar.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Mengenalpasti potensi industri dan universiti untuk kerjasama penyelidikan.	Dekan Pusat Pengajian	Sep 2018
2.	Menjalinkan hubungan industri dengan alumni dan syarikat di mana alumni bekerja bagi tujuan mendapatkan geran penyelidikan.	Dekan Pusat Pengajian	Dis 2018
3.	Mengenalpasti syarikat yang memerlukan kepakaran penyelidik bagi menyelesaikan isu-isu dan permasalahan di dalam syarikat sekaligus mendapatkan geran penyelidikan daripada syarikat tersebut.	Dekan Pusat Pengajian	Jan 2019
4.	Meningkatkan geran kerjasama 'Collaboration Grant' melalui 'MOU' bersama universiti di dalam dan di luar negara.	Dekan Pusat Pengajian dan Dekan RMIC	31 Jan 2019

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS14:

MENINGKATKAN NILAI ENDOWMEN

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
Nilai endowmen	RM30 Juta	RM5 Juta	RM10 Juta

DEFINISI OPERASIONAL:

Sesuatu aset/tunai/dsb yang disumbangkan melalui amanah supaya hasil daripada aset tersebut boleh digunakan untuk tujuan kebajikan.

KAEDAH PENGIRAAN PENCAPAIAN:

Jumlah endowmen yang diterima dalam nilai Ringgit Malaysia setiap tahun dan endowmen tersebut adalah dalam bentuk aset, wang tunai dan sebagainya.

PELAN TINDAKAN

INISIATIF 1 : Membudayakan konsep endowmen dalam kalangan staf universiti pada setiap lapisan

JUSTIFIKASI /RASIONAL: Universiti tidak boleh bergantung semata-mata kepada peruntukan kewangan yang disediakan oleh kerajaan.

BIL	TINDAKAN	PIC	TARIKH SIAP
1.	Memperkukuhkan lagi kefahaman tentang konsep endowmen dalam kalangan staf di semua peringkat melalui aktiviti ceramah, bengkel, latihan, kempen kesedaran tentang pentingnya tabung endowmen kepada universiti dan memberi penerangan tentang prosedur untuk mendapatkan endowmen.	PNCKK	Dis 2018
2.	Mengenalpasti penyumbang endowmen utama kepada universiti	PNCKK	Jun 2019
3.	Mendapatkan jaminan terhadap keterlibatan penyumbang sebagai pulangan kepada endowmen yang mereka berikan.	PNCKK	Dis 2019

PENGUKUR PRESTASI UTAMA (KPI)

OS15:

MEMPERKASAKAN DANA KEUSAHAWANAN

KPI	SASARAN 2025	SASARAN 2018	SASARAN 2019
